




The Sarawak Museum Journal
Vol. LXXXVI No. 107
December 2023



ISSN: 0375-3050
E-ISSN: 3036-0188

Citation: Gregory Kiyai @ Keai (2023). Muzium Sarawak dan Artifak Budaya Iban: Perbincangan Dalam Aspek Konservasi dan Falsafah Budaya Masyarakatnya. The Sarawak Museum Journal, LXXXVI (107) : 63-86

Muzium Sarawak dan Artifak Budaya Iban: Perbincangan Dalam Aspek Konservasi dan Falsafah Budaya Masyarakatnya

Sarawak Museum and Iban Cultural Artefacts: A Discussion in Aspects of Conservation and Cultural Philosophy of its Community

Gregory Kiyai @ Keai

City Graduate School, City University Malaysia, 46100 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

gregory_kiyai@yahoo.com

ABSTRACT

Dalam koleksi etnologi di Jabatan Muzium Sarawak, artifak budaya masyarakat Iban dilihat memiliki signifikan yang penting dalam pembangunan budaya serta warisan di Negeri Sarawak, khususnya dalam pembangunan dan kelestarian kebudayaan serta kesenian peribumi di Borneo. Walau bagaimanapun, pembangunan konservasi yang digariskan oleh International Council of Museum (ICOM) dan Muzium Negara dilihat agak statik dan hanya melakukan prosedur preventif sahaja. Perkara ini adalah dilihat telah mengenepikan falsafah budaya yang terdapat dalam artifak budaya Iban sesuai dengan kepercayaan dan amalan masyarakatnya di rumah panjang. Oleh itu, penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mencadangkan sebuah model yang komprehensif dengan menerapkan prosedur konservasi yang sedia ada dan menaiktarafnya dengan membawa falsafah budaya masyarakat Iban untuk tujuan pembangunan, pemuliharaan dan pemeliharaan. Reka bentuk penyelidikan ini adalah bersifat explanatory research iaitu menggunakan kaedah kualitatif yang memfokuskan kepada artifak budaya Iban dalam koleksi Muzium Sarawak. Hasil dapatan mendapati bahawa artifak budaya Iban mempunyai pengaruh yang kuat dalam kepercayaan dan kebudayaan masyarakatnya tentang kehidupan dan pandangan mereka terhadap dunia. Dengan itu penyelidikan ini diharapkan mampu untuk memberikan anjakan paradigma yang baharu kepada proses pembangunan konservasi dan artifak Jabatan Muzium Sarawak tanpa harus mengenepikan falsafah budaya masyarakat yang memiliki artifak tersebut.

Keywords: Artifak budaya, falsafah budaya, konservasi, Muzium Sarawak, masyarakat Iban

© Sarawak Museum Department 2023

All rights reserved. No part of this journal may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission of the Director, Sarawak Museum Department



Jabatan Muzium Sarawak

MUZIUM SARAWAK DAN ARTIFAK BUDAYA IBAN: PERBINCANGAN DALAM ASPEK KONSERVASI DAN FALSAFAH BUDAYA MASYARAKATNYA

*Sarawak Museum and Iban Cultural Artifacts:
A Discussion in Aspects of Conversation and
Cultural Philosophy of its Community*

Gregory Kiyai @ Keai

City Graduate School, City University Malaysia, 46100 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
gregory_kiyai@yahoo.com

ABSTRAK

Dalam koleksi etnologi di Jabatan Muzium Sarawak, artifak budaya masyarakat Iban dilihat memiliki signifikan yang penting dalam pembangunan budaya serta warisan di Negeri Sarawak, khususnya dalam pembangunan dan kelestarian kebudayaan serta kesenian peribumi di Borneo. Walau bagaimanapun, pembangunan konservasi yang digariskan oleh *International Council of Museum* (ICOM) dan Muzium Negara dilihat agak statik dan hanya melakukan prosedur preventif sahaja. Perkara ini adalah dilihat telah mengenepikan falsafah budaya yang terdapat dalam artifak budaya Iban sesuai dengan kepercayaan dan amalan masyarakatnya di rumah panjang. Oleh itu, penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mencadangkan sebuah model yang komprehensif dengan menerapkan prosedur konservasi yang sedia ada dan menaiktarafnya dengan membawa falsafah budaya masyarakat Iban untuk tujuan pembangunan, pemuliharaan dan pemeliharaan. Reka bentuk penyelidikan ini adalah bersifat *explanatory research* iaitu menggunakan kaedah kualitatif yang memfokuskan kepada artifak budaya Iban dalam koleksi Muzium Sarawak. Hasil dapatan mendapati bahawa artifak budaya Iban mempunyai pengaruh yang kuat dalam kepercayaan dan kebudayaan masyarakatnya tentang kehidupan dan pandangan mereka terhadap dunia. Dengan itu penyelidikan ini diharapkan mampu untuk memberikan anjakan paradigma yang baharu kepada proses pembangunan konservasi dan artifak Jabatan Muzium Sarawak tanpa harus mengenepikan falsafah budaya masyarakat yang memiliki artifikat tersebut.

Kata Kunci: Artifak budaya, falsafah budaya, konservasi, Muzium Sarawak, masyarakat Iban

ABSTRACT

In the ethnology collection at the Sarawak Museum Department, the cultural artefacts of the Iban community are seen to have significant significance in the development of culture and heritage in the State of Sarawak, especially in the development and sustainability of indigenous culture and art in Borneo. However, the conservation development outlined by the International Council of Museums (ICOM) and the National Museum is seen as relatively static and only performs preventive procedures. This matter is seen to have set aside the cultural philosophy found in the Iban cultural artefacts in accordance with the beliefs and practices of the community in long houses. Therefore, this research aims to propose a comprehensive model by applying existing conservation procedures and upgrading them by bringing the cultural philosophy of the Iban community for the purpose of development, conservation and preservation. The design of this research is explanatory research that uses qualitative methods that focus on Iban cultural artefacts in the collection of the Sarawak Museum. The findings found that Iban cultural artefacts have a strong influence on the beliefs and culture of its people about their lives and their view of the world. With that, this research is expected to be able to provide a new paradigm shift to the Sarawak Museum Department's conservation and artefact development process without having to set aside the cultural philosophy of the community that owns the artefact.

Keywords: Cultural artefacts, cultural philosophy, conservation, Sarawak Museum, Iban community

PENGENALAN

Sejak dahulu lagi, masyarakat Iban mempunyai falsafahnya yang tersendiri dalam menginovasi objek ciptaan mereka. Kendati-pun begitu, tahap kepakaran dalam mengarap idea untuk mencantikkan artifak budaya melalui estetika seni, membangunkan teknologi pembuatan, dan penggunaan material bahan adalah merupakan sebuah proses evolusi yang berterusan sehingga ke hari ini. Konsep artifak budaya menjadi kompleks apabila masyarakat Iban telah menetap di sesuatu tempat secara tetap dalam suatu tempoh yang lama. Corak kehidupan yang bergantung penuh dengan alam sekitar telah mempengaruhi idea, aspirasi dan adaptasi masyarakat Iban untuk mencipta dan mewujudkan konsep seni dalam kebudayaan mereka (Kiyai, 2021). Kebudayaan masyarakat Iban telah berkembang dengan progresif, secara lahiriah dan rohaniah dalam bentuk kepercayaan Animisme dan wujudnya konsep pembahagian dunia manusia dan alam ghaib. Kemajuan ini secara tidak langsung telah mendorong kepada peranan artifak budaya yang jelas sebagai sebuah perlambangan dan manifestasi intelektual mereka dalam berbudaya (Kiyai dan Tugang, 2021). Idea-idea inilah yang lebih besar dan harus dikongsikan serta ditonjolkan dengan masyarakat yang lain untuk mengwujudkan kesefahaman dan muhibah dalam konsep pluraliti etnik di Malaysia, Borneo amnya.

Selama tempoh lebih dari seratus tahun, Muzium Sarawak mengekalkan legasinya dengan mewarisi banyak budaya konservasi dan pembangunan muzium yang bersifat konvensional daripada negara kolonial iaitu British. Oleh sebab itu, kebergantungan

sistem pengurusan muzium yang selama ini ditentukan oleh pegawai-pegawai British telah menyebabkan Muzium Sarawak harus bergantung dengan konsep pembangunan yang telah mereka fahami dan terbiasa. Keadaan ini berlarutan sehingga, Muzium Sarawak pada ketika itu telah menghadapi masalah lambakan artifak dan mereka tidak memiliki sebuah pembangunan koleksi yang khusus tentang kaedah-kaedah penjagaan artifak budaya yang lebih efisien (Kiyai dan Tugang, 2021). Faktor-faktor ini telah menggalakkan kewujudan bidang konservasi dalam Muzium Sarawak sehingga ke hari ini.

Pembangunan pemuliharaan Muzium Sarawak dilihat agak statik dan hanya melakukan prosedur preventif sahaja. Perkara ini adalah dilihat telah mengenepikan falsafah budaya yang terdapat dalam artifak budaya Iban sesuai dengan kepercayaan dan amalan masyarakatnya di rumah panjang. Pendekatan muzium dalam membangunkan disiplin ilmu pemuliharaan perlu menjadi lebih realistik di zaman millennium ketiga ini, terutamanya dalam menjaga ketahanan dan integriti sesebuah artifak budaya. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan aspek konservasi dan falsafah budaya masyarakatnya dengan mengemukakan sebuah model yang komprehensif dalam usaha memulihara dan memelihara artifak budaya dengan tidak mengenepikan nilai-nilai budaya dalam masyarakat Iban itu sendiri.

Definisi Konservasi

Menurut Fredheim *et al.* (2016) mendefinisikan konservasi sebagai proses yang kompleks dan berkelanjutan yang melibatkan penentuan apa yang dipandang sebagai warisan, bagaimana itu dilindungi, bagaimana itu digunakan, dan oleh siapa. Ia ditafsirkan sebagai sebuah usaha untuk memelihara harta kita (untuk menyimpan, apa yang kita ada), dan menggunakan harta itu dengan bijak. Selain itu, konservasi adalah merujuk kepada pengelolaan dan penjagaan objek warisan dalam mewujudkan sebuah rasa yang mewakili nilai peribadi dan kolektif serta mempengaruhi persepsi diri dan idea mengenai orang lain terhadap penjagaan artifak. Konservasi adalah merupakan proses yang sangat penting kerana memerlukan penentuan nilai objek dan sering melibatkan hubungan objek secara langsung dan intervensi (Saunders, 2014). Menurut Agusti dan Wasisto (2019) mengatakan bahawa konservasi merangkumi sebuah aktiviti penyelenggaraan dan pemeliharaan yang bertujuan untuk melindungi sesebuah objek agar tidak rosak selagi masih mempunyai fungsi dan nilai. Aktiviti penyelenggaraan termasuk dalam kegiatan preventif yang bermaksud usaha menjaga objek yang telah mengalami kerosakan agar tidak bertambah buruk dan parah.